

NO. SOALAN: 55

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2015

RUJUKAN : 8226

SOALAN:

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan demonstrasi-demonstrasi yang menuntut Perdana Menteri meletak jawatan sejak tahun 1998. Nyatakan jumlah kehadiran peserta, jumlah kerahan polis FRU, polis biasa, polis cawangan khas, kos operasi polis dan lokasi berkumpul setiap demonstrasi berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut rekod polis, tiada demonstrasi-demonstrasi yang diadakan dalam negara sejak tahun 1998 yang menuntut secara khusus Perdana Menteri meletak jawatan.